

# **ISTIADAT PEMASYHURAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA DAN KONVOKESYEN KE-10 UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5630-istiadat-pemasyhuran-kdymm-seri-paduka-baginda-dan-konvokesyen-ke-10-universiti-pertahanan-nasional-malaysia](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5630-istiadat-pemasyhuran-kdymm-seri-paduka-baginda-dan-konvokesyen-ke-10-universiti-pertahanan-nasional-malaysia)

KUALA LUMPUR, 14 Nov 19 – Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) hari ini telah berlangsungnya Istiadat Pemasyhuran KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al'Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai Canselor UPNM yang baru dan Majlis Konvokesyen Ke-10.

Turut berkenan hadir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

Seramai 969 orang graduan bergraduat tahun ini terdiri daripada 14 orang dianugerahkan Doktor Falsafah (PhD) dan 41 orang graduan dianugerahkan Sarjana manakala 229 Pegawai kadet dan 325 orang graduan Awam menerima Ijazah Sarjana Muda serta 360 orang graduan dianugerahkan Diploma.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, YB Tuan Hj Mohamad bin Sabu, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Zulkifli Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Bin Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Bin Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.





